

KUTKM-Dtex tandatangani MoU

Archival News | Utusan Malaysia | 03/08/2004

MELAKA 2 Ogos _ Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di sini akan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Syarikat Dtex International Sdn. Bhd., (Dtex) bagi mengukuhkan lagi hubungan antara universiti itu dengan pihak industri.

Rektor KUTKM, Datuk Prof. Ismail Hassan berkata, MoU itu yang akan ditandatangani Khamis ini, menjadi landasan kepada KUTKM menyediakan platform kerjasama penyelidikan dan pembangunan, khusus dalam bidang perisian komputer dan Teknologi Maklumat (IT).

Menurutnya, majlis menandatangani MoU itu tepat pada masanya memandangkan Dtex sebagai syarikat diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam membangunkan produk perisian sistem `keselamatan maklumat dalaman'.

"Ini selaras dengan matlamat kita untuk meningkatkan daya saing, kreativiti dan inovasi staf akademik dan pelajar dengan melibatkan diri dalam latihan serta Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) di sektor industri," katanya di sini, hari ini.

Prof. Ismail berkata, MoU itu juga membolehkan pertukaran staf akademik dan pelajar dilakukan dengan syarikat terbabit selain bertukar kepakaran dalam kerja-kerja perundingan.

"Langkah ini selaras dengan wawasan kita untuk menjadi sebuah IPTA bertaraf antarabangsa yang melaksanakan pendekatan berorientasikan aplikasi dan amalan," katanya.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(Source : Utusan Malaysia)